

# Rakyat makin memahami

Oleh ZUNAIDAH ZAINON  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 DIS.

PENDUDUK di negara ini semakin menyadari dan memahami dengan baik tentang pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) merangkumi pelbagai lapisan masyarakat, latar belakang dan pendidikan.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohamad Fazli Sabri berkata, perkara itu dapat dilihat dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah, penuntut universiti, pekerja, peniaga, usahawan, petani, pesara dan suri rumah.

Namun, kata beliau, berdasarkan pemerhatiannya, masih terdapat sebahagian besar masyarakat yang sengaja tidak mahu ambil tahu tentang GST dan mempunyai persepsi negatif terhadap pelak-

sanaan sistem cukai baharu itu.

"Kita harus faham bahawa semua polisi yang dibuat oleh mananya pihak akan mempunyai kelebihan dan kekurangan. Kadang-kadang keberkesaan daripada polisi yang dibuat tidak dapat dilihat dalam masa sebulan atau setahun dua. Saya yakin bahawa pihak kerajaan juga tidak akan berkompromi dengan kebaikan rakyat semata-mata untuk melaksanakan polisi yang dilihat kurang berkesan atau berjaya."

"Bahkan, saya juga melihat ramai dalam kalangan masyarakat kita yang memang sengaja tidak mahu ambil tahu terhadap isu GST. Tetapi, saya rasa kita tidak boleh salahkan mereka semata-mata dan semua orang perlu melihat secara positif baik di pihak rakyat (pengguna), peniaga, pemborong maupun kerajaan," ka-



MOHAMAD FAZLI

tanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Bagi meningkatkan pemahaman tentang GST, beliau berkata, penceramah terbaik perlu lebih kreatif dalam sesi penerangan dengan memberi contoh yang sesuai untuk kumpulan sasaran.

"Melalui sesi ceramah, forum dan bengkel yang pernah saya dihadiri, adakalanya penerangan yang disampaikan menggunakan bahasa yang tinggi atau terlalu teknikal sehingga sukar untuk difahami oleh golongan kumpulan sasaran tertentu.

"Contoh bagi kumpulan pesara mungkin tidak sesuai dengan kumpulan yang terdiri daripada pelajar sekolah atau mahasiswa. Bahasa dan contoh yang sesuai juga harus diberikan kepada kumpulan pengguna luar bandar dan bandar," ujar beliau.

## Pembekalan Dikecualikan


Ini adalah pembekalan tanpa cukai yang tidak tertakluk kepada GST. Perniagaan tidak layak untuk menuntut kredit cukai input dalam memperolehi bekalan ini, dan tidak boleh mengenakan cukai output kepada pengguna.



Bagaimana GST  
befungsi pada  
pembekalan  
dikekualikan



BEKALAN  
PERUBATAN



HOSPITAL  
SWASTA



PENGGUNA

Pengguna  
tidak perlu  
membayar  
sebarang  
GST

Perkhidmatan  
perubatan ialah  
bekalan yang  
dikekualikan

Hospital tidak boleh  
menuntut semula  
GST yang dikenakan  
oleh pembekal